



**TRANSKRIP TEMUBUAL PENGALAMAN JENERAL (B) TAN SRI DATO' MOHD
GHAZALI BIN DATO' MOHD SETH SEMASA MENGETUAI OPERASI NGAYAU
DI SARAWAK PADA TAHUN 1970-1972**

DISEDIAKAN OLEH:

**AMINUR AISHAH BINTI AB. HARITH
NORHANISSA FAZREENA BINTI MOHAMED NORDIN**

**PROJEK DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, SEGAMAT
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KHUSUS
IMR 604 – DOKUMENTASI SEJARAH LISAN**

BAGI SEMESTER SEPTEMBER 2013/JANUARI 2014



Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihi

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi kerana taufik dan hidayah serta izin Allah S.W.T dapat kami selesaikan tugas penulisan transkrip berkenaan dengan subjek IMR 604: Sejarah Lisan pada masa yang ditetapkan. Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih kepada pihak-pihak yang membantu kami dalam menghasilkan kerja kursus kami iaitu Transkrip Temubual Pengalaman Jeneral (B) Tan Sri Dato' Mohd Ghazali Bin Dato' Mohd Seth Semasa Mengetuai Operasi Ngayau Di Sarawak Pada Tahun 1970 - 1972.

Jutaan terima kasih kami ucapkan kepada pensyarah kami, Puan Azura Bt. Abdul Jamil@Kamarudzzaman yang telah banyak membantu dalam memberi segala penerangan, tunjuk ajar, pandangan dan juga kata-kata nasihat yang berguna kepada kami dalam menghasilkan kerja kursus ilmiah ini dengan sempurna. Di samping itu, cadangan serta nasihat yang diberikan amat membantu dalam mengembangkan hasil kerja kursus transkrip kami ini. Segala komitmen yang ditunjukkan telah menyuntik dan memberi kami semangat untuk menyiapkan penulisan transkrip ini.

Sekalung penghargaan juga kami ucapkan kepada Jeneral (B) Tan Sri Dato' Mohd Ghazali Bin Dato' Mohd Seth yang merupakan tokoh yang telah kami pilih dalam menghasilkan kerja kursus penulisan transkrip ini kerana kesudian beliau untuk meluangkan masa dan ditemu ramah oleh kami. Segala kerjasama dan komitmen beliau dalam menceritakan pengalaman beliau amat kami hargai dan sanjungi. Ribuan terima kasih juga kepada pihak-pihak lain yang secara langsung mahupun tidak langsung yang membantu kami mendapatkan sumber maklumat dan sumber ilmu dengan lebih terperinci dan tanpa mereka, mungkin kami menghadapi kesukaran dalam mendapatkan maklumat serta bahan untuk dijadikan rujukan dan aplikasi kepada kerja kursus kami ini.

Sekian, terima kasih.

ISI KANDUNGAN

ABSTRAK	i
1.0 PENGENALAN	1 - 5
2.0 TRANSKRIP WAWANCARA.....	6 - 71
3.0 LOG WAWANCARA.....	72 - 85
4.0 BIODATA.....	
4.1 Biodata Tokoh.....	86 - 87
4.2 Biodata Penulis 1.....	88
4.3 Biodata penulis 2.....	89
5.0 SENARAI SOALAN WAWANCARA.....	
5.1 Soalan pengenalan	90 - 92
5.2 Soalan Umum.....	92
5.3 Soalan Spesifik	93 - 94
6.0 RALAT.....	95
7.0 SENARAI RUJUKAN.....	96
8.0 LAMPIRAN.....	97 - 102
9.0 INDEKS.....	103 - 108
10.0 DIARI PENYELIDIKAN.....	109 - 110

ABSTRAK

Fakta sejarah lisan bersama tokoh yang telah banyak menyumbang didalam bidang ketenteraan sepanjang perkhidmatan beliau iaitu Tan Sri Dato' Ghazali Bin Dato Mohd Seth. Tujuan transkrip ini dibuat adalah bagi memberi maklumat kepada pembaca dan generasi akan datang tentang sejarah negara agar terus dapat dihayati seterusnya menimbulkan semangat patriotisme didalam diri. Kedatangan pengganas komunis di negara ini bagaikan suatu tragedi apabila kedatangan pengganas tersebut telah membuat kekacauan dari segi ekonomi, sosial bahkan telah banyak meragut nyawa penduduk di Tanah Melayu, seluruh Tanah Melayu telah merasakan kesan terhadap kekejaman pengganas komunis tersebut, antara negeri yang terlibat termasuklah Sarawak. Kedatangan pengganas komunis di Sarawak pada tahun 1970 dikhuatiri akan menjejaskan negeri tersebut, terdapat pelbagai operasi yang telah ditubuhkan termasuklah Operasi Ngayau, selepas Operasi Ngayau berjaya, kewujudan RASCOM yang bermaksud "Rajang Area Security Command" pula ditubuhkan bagi mebanteras pengganas komunis, RASCOM meliputi keseluruhan aspek termasuklah orang awam, tentera dan pihak poils. Kedua operasi ini sangat penting bagi menghapuskan pengganas komunis.

Kata Kunci: *Pengganas komunis, Tanah Melayu, Sarawak, Operasi Ngayau, RASCOM, Rajang Area security command.*

1.0 PENGENALAN

Kemerdekaan negara ini telah diusahakan menerusi pelbagai cara dan melalui jalan yang panjang. Di dalam tempoh tersebut pelbagai peristiwa dan halangan telah dihadapi oleh penduduk negara ini. Di antara halangan paling mencabar dan paling pahit dilalui ialah pemberontakan atau revolusi bersenjata yang dilakukan oleh Parti Komunis Malaya (PKM). Pada masa mereka melakukan pemberontakan itu pelbagai kekejaman telah dilakukan dan merupakan halangan terbesar kepada usaha memerdekakan negara ini. Usaha perpaduan yang cuba dibentuk benar-benar teruji pada waktu revolusi PKM ini berlangsung. Kepercayaan diantara rakyat dan kepercayaan kepada pentadbiran British menghadapi ancaman. Peristiwa revolusi ini telah mengambil masa yang panjang dan hampir menjadikan kemerdekaan sesuatu yang mustahil kepada negara. Walau bagaimanapun atas usaha semua pihak samada kerajaan ataupun rakyat telah memungkinkan kemerdekaan dicapai pada 31 Ogos 1957. Kemerdekaan ini dicapai setelah pelbagai usaha dilakukan bagi menangani pemberontakan yang berlaku. Biarpun peristiwa penting ini telah berlalu sejak 60 tahun yang lepas tetapi parut dan lukanya masih lagi dirasakan. Maka oleh itu adalah penting buat mereka yang ada pada hari ini merenung kembali peristiwa yang berlaku agar ianya dapat memberikan pengajaran kepada generasi masakini dan yang akan datang.

Penubuhan Parti Komunis Malaya(PKM) (30 April 1930)

Pada 30 April 1930, Parti Komunis Malaya (PKM) ditubuhkan di Tanah Melayu. PKM bertanggungjawab menghalau penjajah British dan mendirikan sebuah republik komunis di Tanah Melayu. Walaupun PKM tidak dapat berkembang dengan pesat pada peringkat awal, tetapi ia dapat bergerak dalam dua aktiviti penting pada ketika itu. Pertama, PKM berjaya mempengaruhi keadaan kemelesetan ekonomi dunia pada tahun 1930-an dalam mempengaruhi kaum buruh di Tanah Melayu untuk mengadakan pemogokan. Dengan itu, dapat menimbulkan ketidakstabilan ekonomi yang boleh menjejaskan kekuatan ekonomi dan pentadbiran British di Tanah Melayu. PKM berjaya mempengaruhi pekerja dari hampir semua bidang. Aktiviti kedua PKM pada peringkat awal